



12 Jun 2026  
12 June 2026  
P.U. (A) 219

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM  
DARAT (PENETAPAN KATEGORI PERKHIDMATAN  
BAS EKSPRES) (PINDAAN) 2026

*LAND PUBLIC TRANSPORT (PRESCRIPTION OF  
CATEGORY OF EXPRESS BUS SERVICES)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PENETAPAN KATEGORI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES) (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 252(1)(*tr*) dan (*u*) dan subseksyen 252(2) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Penetapan Kategori Perkhidmatan Bas Ekspres) (Pindaan) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2026.

**Pindaan ayat mengundang-undangan**

2. Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Penetapan Kategori Perkhidmatan Bas Ekspres) 2022 [*P.U. (A) 206/2022*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam ayat mengundang-undangan dengan menggantikan perkataan “dan (*u*)” dengan perkataan “, (*tac*) dan (*u*)”.

**Pindaan Jadual**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan jadual yang berikut:

“JADUAL  
[Subperaturan 2(2)]  
SPESIFIKASI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Spesifikasi	
		Bas ekspres ekonomi	Bas ekspres eksekutif
1.	Kapasiti tempat duduk	Tidak melebihi enam puluh tujuh orang termasuk pemandu, dengan dua lajur tempat duduk yang mempunyai tempat duduk berkembar	Tidak melebihi enam puluh tujuh orang termasuk pemandu, dengan sekurang-kurangnya satu lajur tempat duduk yang mempunyai satu tempat duduk tunggal
2.	Tanda pengenalan	Perkataan “EKSPRES EKONOMI/ ECONOMY EXPRESS” hendaklah dipamerkan pada bahagian luar dan dalam pintu masuk bas ekspres mengikut cara yang berikut:  (a) Jenis tulisan: <i>Impact</i>  (b) Saiz tulisan: 30 cm x 4 cm  (c) Warna tulisan: Putih	Perkataan “EKSPRES EKSEKUTIF/ EXECUTIVE EXPRESS” hendaklah dipamerkan pada bahagian luar dan dalam pintu masuk bas ekspres mengikut cara yang berikut:  (a) Jenis tulisan: <i>Impact</i>  (b) Saiz tulisan: 30 cm x 4 cm  (c) Warna tulisan: Putih
3.	Panjang kenderaan	Tidak kurang daripada 10.5 meter dan tidak lebih daripada panjang maksimum bagi suatu bas sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [L.N. 170/1959]	

### Peralihan

4. Pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, mana-mana pengendali berlesen yang mengendalikan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bas ekspres hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, mematuhi spesifikasi perkhidmatan bas ekspres mengikut Peraturan-Peraturan ibu sebagaimana yang dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 11 Jun 2026  
[MOT.PUU.600-1/15/2 JLD. 11(S) (16); PN(PU2)692/IV]

LOKE SIEW FOOK  
*Menteri Pengangkutan*

## LAND PUBLIC TRANSPORT ACT 2010

LAND PUBLIC TRANSPORT (PRESCRIPTION OF CATEGORY OF EXPRESS BUS SERVICES)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 252(1)(*tr*) and (*u*) and subsection 252(2) of the Land Public Transport Act 2010 [Act 715], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Land Public Transport (Prescription of Category of Express Bus Services) (Amendment) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 15 June 2026.

**Amendment of enacting clause**

2. The Land Public Transport (Prescription of Category of Express Bus Services) Regulations 2022 [*P.U. (A) 206/2022*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in the enacting clause by substituting for the words “and (*u*)” the words “, (*tac*) and (*u*)”.

**Amendment of Schedule**

3. The principal Regulations are amended by substituting for the Schedule the following schedule:

## “SCHEDULE

[Subregulation 2(2)]

## SPECIFICATION OF EXPRESS BUS SERVICES

(1) Item	(2) Description	(3) Specification	
		Economy express bus	Executive express bus
1.	Seating capacity	Not exceeding sixty-seven persons inclusive of the driver, with two seating columns comprising of double seating	Not exceeding sixty-seven persons inclusive of the driver, with at least one seating column comprising of one single seating

2.	Identification mark	<p>The word “EKSPRES EKONOMI/ECONOMY EXPRESS” shall be displayed on the outside and inside of the entrance door of express bus in the following manner:</p> <p>(a) Font type: Impact</p> <p>(b) Font size: 30 cm x 4 cm</p> <p>(c) Font color: White</p>	<p>The word “EKSPRES EKSEKUTIF/EXECUTIVE EXPRESS” shall be displayed on the outside and inside of the entrance door of express bus in the following manner:</p> <p>(a) Font type: Impact</p> <p>(b) Font size: 30 cm x 4 cm</p> <p>(c) Font color: White</p>
3.	Length of vehicle	<p>Not less than 10.5 metres and not more than the maximum length for a bus as prescribed in the Motor Vehicles (Construction and Use) Rules 1959 [L.N. 170/1959]</p>	

### **Transitional**

4. On the date of coming into operation of these Regulations, any licensed operator who operates or provides any express bus service shall, within the period of six months from the date of coming into operation of these Regulations, comply with the specification of express bus services in accordance with the principal Regulations as amended by these Regulations.

Made 11 June 2026

[MOT.BD.(S).600-2/21/1 JLD6(41); PN(PU2)692/IV]

LOKE SIEW FOOK  
*Minister of Transport*